

16/03/2003

Berkarya guna mulut, kaki

Ismail Mat

TAKDIR terhadap kecacatan pada diri dilalui dengan penuh ketabahan dan keinsafan. Meskipun dihimpit kekurangan sifat fizikal, namun usaha hidup berdikari dengan penuh penghormatan diri tetap diteruskan.

Kebolehan melukis yang dianugerahkan Allah, digunakan sepenuhnya, meskipun hanya menggunakan kaki atau mulut untuk menyepit berus bagi melarik karya. Insan penuh keistimewaan ini sepakat menubuhkan Persatuan Pelukis-Pelukis Mulut dan Kaki (MFPA) untuk menguruskan hasil karya mereka di seluruh dunia.

MFPA ditubuhkan kira-kira 46 tahun lalu pada 1956 di Liechtenstein, Switzerland, oleh sekumpulan artis Swiss dan Jerman diketuai oleh Prof AE Stegmann yang juga seorang pelukis menggunakan mulut.

Penubuhan MFPA di Malaysia bermula pada 1974 dan setakat ini mempunyai lapan ahli termasuk dua yang sudah meninggal dunia. Persatuan itu memberi peluang kepada ahlinya membiayai diri mereka sepenuhnya melalui penjualan lukisan yang dihasilkan menerusi penerbitan semula dalam bentuk kad, kalendar dan lain-lain lagi.

Antara pelukis yang menggunakan kaki untuk berkarya menerusi MFPA di Malaysia ialah Siti Aishah Yaakob, 28; Lum Kam Kwai, 42; Jerome Yap Hock Chai, 24; Ng Ah Kwai, 41; manakala mereka yang menggunakan mulut terdiri Ismail Rakib, 23 dan Chong Keow, 40.

Siti Aishah yang dilahirkan di Kampung Kubor, Guar Chempedak, Kedah, berkata beliau menyertai MFPA sejak tiga tahun lalu selepas menyedari persatuan itu berupaya memberi peluang kepadanya untuk berdikari.

"Saya bersyukur kerana dikurniakan Ilahi dengan bakat melukis secara semula jadi sejak berada di bangku sekolah walaupun terpaksa menggunakan kaki. Sebelum menyertai MFPA, saya sering melukis tetapi hanya untuk kepuasan diri sendiri sebagai mengisi masa lapang yang terluang.

"Namun menerusi MFPA, saya kini mempunyai ruang yang lebih luas untuk berkarya di samping ia dapat membantu saya berdikari menerusi hasil jualannya kepada orang ramai yang berminat membeli lukisan atau produk yang dihasilkan daripadanya," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Anak ketiga daripada tujuh beradik itu amat berterima kasih kepada ibu bapanya, Yaakob Abdul Samad, 50an, dan ibunya, Che Bashah Puteh, serta adik beradiknya yang sentiasa memberi sokongan kepadanya dalam berkarya meskipun dalam serba kekurangan.

Katanya, sejak menyertai MFPA, setiap bulan dia menghasilkan sekurang-kurangnya enam lukisan yang dihantar kepada pertubuhan itu, di samping menyiapkan banyak tempahan daripada kenalan peribadi yang datang membuat tempahan lukisan secara terus di rumahnya.

Menurutnya, lukisan menggunakan kaki yang dihasilkannya sering menggunakan tema pemandangan dan keindahan kampung tradisional seperti yang dikehendaki oleh pelanggan dan sesekali beliau turut menyiapkan gambar potret yang digunakan untuk hiasan dinding rumah atau sebagai hadiah perkahwinan.

Temannya seperjuangan Aishah, Ismail Rakib, 33, dari Kampung Lama di Jitra pula menggunakan mulutnya untuk memegang berus berikutan kecacatan teruk pada kedua-dua tangan dan kakinya, bagi menyiapkan setiap lukisan yang diilhamkan.

Beliau bersyukur kerana berpeluang menyertai MFPA sejak enam tahun lalu kerana persatuan itu menyediakan landasan kepadanya untuk berdikari menerusi bakat melukis yang ada dan membantu keluarganya meskipun dia

mempunyai kecacatan fizikal.

"Saya menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahukan rakyat negara ini termasuk golongan istimewa sentiasa berusaha gigih untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan. Saya ingin buktikan kepada masyarakat bahawa golongan seperti saya juga mempunyai semangat Malaysia Boleh.

"Meskipun, tanpa kaki dan tangan seperti manusia lain yang sempurna, namun di mana ada kemahuan, di situ tetap ada jalan untuk berusaha dan mencapai kejayaan. Saya bersyukur kerana dikurniakan Allah dengan bakat melukis," katanya.

Meskipun tidak menetapkan sebarang sasaran jumlah lukisan yang disiapkan setiap bulan, namun secara puratanya dia menyiapkan enam atau tujuh lukisan untuk dihantar ke MFPA bagi tujuan komersial yang diuruskan.

Katanya, setakat ini beliau berpeluang mengadakan pameran lukisan yang dihasilkan dengan mulut di Galeri Petronas dan Balai Seni Lukis Negara, di samping demonstrasi melukis di institusi pengajian tinggi awam tempatan.

Dua lagi pelukis yang menggunakan kaki ialah Lum Kam Kwai dan Jerome Yap yang kini tinggal di Taman Sinar Harapan di Kuala Kubu Baru.

Karya yang dihasilkan oleh semua pelukis kaki dan mulut dari seluruh negara ini dikumpul dan diuruskan oleh pejabat MFPA yang beroperasi di Lot 327, Tingkat Dua, Ampang Park Shopping Centre dekat Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Pengurus MFPA, Susan Woon, berkata semua lukisan yang dihasilkan oleh ahlinya dihantar ke ibu pejabat MFPA untuk dinilai dan dipilih untuk dicetak semula dalam pelbagai bentuk produk untuk jualan.

Katanya, antara produk berasaskan lukisan yang dihasilkan oleh ahli MFPA termasuklah kad ucapan termasuk sempena hari perayaan seperti Aidilfitri, Krismas dan Tahun Baru Cina.

Selain itu, kalendar dinding dan meja, poster, buku hari jadi, buku alamat, pembalut hadiah dan jigsaw puzzle yang dijual antara RM11 hingga RM80 bagi setiap set, tertakluk kepada jenis barangan itu.

"Setiap tahun, MFPA Malaysia mencetak antara 300,000 hingga 500,000 set kad ucapan yang mengandungi lapan keping kad setiap satu dan dihantar kepada orang ramai berdasarkan senarai nama yang diperoleh menerusi buku panduan," katanya.